

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

RAK 343 – Kajian Perumahan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. **Bahagian A** adalah **WAJIB** dan jawab **DUA** soalan dari **Bahagian B**.

Bahagian A (WAJIB)

1. Huraikan dengan jelas perkara-perkara berikut:-
 - (a) Peringkat Kelulusan Bangunan sesuatu projek perumahan.
(50 markah)
 - (b) Isu-isu penting yang dihadapi oleh Pihak Kerajaan dan Swasta dalam usaha membekal perumahan kepada rakyat golongan termiskin di negara kita dan tindakan yang diambil untuk menangani isu-isu tersebut.
(50 markah)
2. (a) Huraikan dengan bantuan lakaran konsep jirandesa beserta ciri-ciri umum dan komponen-komponen yang terdapat di dalam sesebuah unit jirandesa itu.
(25 markah)
- (b) Bincangkan isu-isu penting yang perlu dititikberatkan dalam merancang dan merekabentuk persekitaran dan unit kediaman untuk memenuhi keperluan masyarakat masa kini yang menggabungkan gaya hidup berlandaskan agama, budaya, sosial, ekonomi dan persekitaran.
(25 markah)
- (c) Huraikan **Dua (2)** jenis rekabentuk unit perumahan yang lazim dibekalkan oleh pemaju-pemaju di dalam sesebuah pembangunan perumahan di Malaysia untuk memenuhi pasaran yang terdiri daripada pembeli-pembeli dari golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Bincangkan kebaikan dan keburukan jenis-jenis unit kediaman ini dan berikan ciri-ciri umum seperti saiz tapak, saiz unit kediaman, akses jalan, keperluan tempat letak kenderaan dan piawaian-piawaian yang perlu dipatuhi mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa.
(50 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan sahaja)

3. Masalah perumahan untuk golongan pendapatan rendah di bandar-bandar besar terutama di negara-negara membangun adalah ketara dengan penerampilan keadaan penempatan setinggian dan sesak (slum) yang tidak memuaskan. Di Malaysia, jelaskan kenapa ia boleh berlaku?

Terangkan bagaimana anda boleh mengurangkan masalah dengan pendekatan yang rasional untuk semua golongan masyarakat tersebut.

(100 markah)

4. (a) Jelaskan perbezaan antara keperluan dan permintaan perumahan.

(30 markah)

- (b) Terangkan apakah objektif pembangunan perumahan dalam konteks pembangunan sosial.

(70 markah)

5. Apakah yang dimaksudkan dengan sumber perumahan. Pilih **Satu (1)** daripada sumber perumahan tersebut dan jelaskan peranan serta kesan kepada pembangunan perumahan.

(100 markah)

-ooo O ooo-